

Selesaikan masalah secara harmoni: PM

BH 22 MAR 1994

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta penganut berbilang agama di negara ini supaya tidak menyelesaikan sebarang masalah yang timbul khususnya berkaitan agama, menerusi keganasan.

Sebaliknya, setiap masalah atau salah faham yang wujud harus diselesaikan secara harmoni di meja perundingan.

Katanya, rakyat harus menghargai sikap toleransi di kalangan penganut pelbagai agama yang dinikmati di negara ini.

"Di sesetengah negara, tidak ada toleransi agama. Tetapi di negara ini, tiada keganasan yang

wujud disebabkan oleh perbezaan agama. Ini kerana kita saling memahami dan menghormati agama masing-masing.

"Kita perlu menghargai dan mengekalkan sikap toleransi ini. Ini dapat kita kekalkan jika kita meneruskan amalan saling menghormati agama masing-masing.

"Jika timbul masalah, kita tidak menggunakan kekerasan untuk menyelesaikannya. Sebaliknya, kita berunding atau rakyat boleh menghantar memorandum bagi menyampaikan hasrat kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Makan Malam

Ulang Tahun ke-10 Majlis Perundingan Malaysia Ugama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh, di sini malam ini.

Katanya, kerajaan sentiasa berusaha menyelesaikan sebarang masalah yang wujud sebaik mungkin.

"Rakyat juga harus berusaha mengekalkan sikap toleransi ini dan mampu hidup bersama bagi menjayakan hasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

Dr Mahathir juga berharap masyarakat dapat memahami tindakan kerajaan menetapkan beberapa peraturan dan syarat untuk mengawal sesetengah aktiviti keagamaan.